

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 22.11.2016 (SELASA)**

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah penggunaan kod identiti berlainan bagi membezakan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi dan LPG industri mampu membanteras penyelewengan bahan komoditi bersubsidi itu dan bilakah inisiatif tersebut akan dilaksanakan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sebagai makluman ahli dewan yang mulia ini, gas petroleum cecair (LPG) yang bersubsidi bagi kegunaan isi rumah dijual dalam silinder 10kg, 12kg dan 14kg, manakala LPG bagi kegunaan industri pula dijual di dalam silinder 14kg, 50kg atau secara pukal. Pada masa ini, pihak pengeluar menggunakan perbezaan saiz silinder atau warna silinder LPG 14kg untuk membezakan silinder bagi kegunaan industri.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam mengesan dan mengambil tindakan bagi mengatasi penyelewengan bahan LPG bersubsidi. Tindakan terkini adalah, operasi besar-besaran di bawah OPS GASAK yang telah dilaksanakan secara bersepadu di seluruh negara mulai Januari 2016. Melalui ops ini, tindakan yang dijalankan ialah seperti berikut:

- (i) membuat risikan dan menggempur semua hotspot penyelewengan LPG bersubsidi secara berterusan di seluruh negara dan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan semua undang-undang lain yang berkaitan;
- (ii) merampas semua peralatan yang digunakan dalam aktiviti penyelewengan ini seperti kapal dan lori; dan
- (iii) menggantung atau membatalkan lesen mana-mana pelesen yang terlibat secara langsung atau bersubahat dalam aktiviti penyelewengan barang-barang kawalan bersubsidi.

KPDNKK dengan kerjasama agensi lain mengambil tindakan merampas dan membekukan akaun dan aset penjenayah dan mendakwa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUA) 2001.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 32**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keperluan kenaikan caj perkhidmatan penumpang di semua lapangan terbang di negara ini berkuatkuasa 1 Januari tahun 2017 sekaligus menyumbang kepada kenaikan harga tiket penumpang kapal terbang.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj perkhidmatan penumpang (*Passenger Service Charge – PSC*) dikenakan kepada penumpang berlepas domestik dan antarabangsa sebagai caj penggunaan kemudahan yang telah disediakan di lapangan terbang oleh syarikat pengendali lapangan terbang yang bertanggungjawab untuk mengoperasi, mengurus, menyelenggara dan membangunkan kesemua lapangan terbang di dalam Negara.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission - MAVCOM*) telah mengkaji kadar baharu PSC dan mendapati kenaikan PSC tidak akan menjejaskan permintaan penumpang untuk perjalanan domestik dan antarabangsa. Malahan, kenaikan PSC ini akan membolehkan syarikat pengendali lapangan terbang bersaing dengan lebih kompetitif dengan lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain di rantau ini.

Sehubungan dengan itu, dengan mengambilkira kemudahan-kemudahan yang disediakan di semua lapangan terbang di dalam Negara serta pandangan-pandangan daripada *International Air Transport Association (IATA)*, *Board of Airlines Representative (BAR)* dan syarikat-syarikat penerbangan, Kerajaan telah bersetuju dengan kadar baharu PSC untuk dilaksanakan mulai 1 Januari 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 22 NOVEMBER 2016  
[ SELASA ]  
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]

**SOALAN :-**

**Y.B. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan nama, lokasi, tarikh siap bina dan kos untuk setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) seluruh Sabah. Nyatakan faktor-faktor yang menentukan lokasi dan jumlah unit rumah bagi 21 PPR tersebut.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2016, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina sebanyak 23 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negeri Sabah yang merangkumi 17,396 unit rumah. Projek-projek PPR yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>KOS</b>	<b>LOKASI</b>	<b>TARIKH CCC</b>
1	PPR Batu 4 Sandakan	1,000	61,501,500.90	Sandakan	24/07/2009
2	PPR Balung I, Tawau	972	54,179,692.69	Tawau	16/07/2004
3	PPR Balung II, Tawau	500	33,841,032.00	Tawau	18/07/2007
4	PPR Telipok, Kota Kinabalu	2,174	130,440,000	Kota Kinabalu	19/06/2009

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>KOS</b>	<b>LOKASI</b>	<b>TARIKH CCC</b>
5	PPR Telipok Ria, Kota Kinabalu	2,400	143,640,000	Kota Kinabalu	23/05/2007
6	PPR Kg. Warisan, Inanam	485	27,888,000.00	Kota Kinabalu	04/08/2005
7	PPR Taman Semarak, Tawau	500	29,610,835.40	Tawau	05/10/2011
8	PPR Jalan Sagindai, Kinarut	500	34,000,000.00	Papar	13/12/2008
9	PPR Batu 4½, Jalan Tengah Nipah, Lahad Datu	700	45,300,000.00	Lahad Datu	29/05/2009
10	PPR Gum Gum, Sandakan	500	33,575,000.00	Sandakan	02/12/2009
11	PPR Pekan Beluran	400	30,500,000.00	Beluran	06/03/2010
12	PPR Batu 8, Jalan Apas, Tawau	900	59,300,000.00	Tawau	26/03/2010
13	PPR Batu 7, Jalan Army Camp, Sandakan	500	35,641,000.00	Sandakan	29/11/2010



<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>KOS</b>	<b>LOKASI</b>	<b>TARIKH CCC</b>
14	PPR Pekan Kinarut, Kinarut	725	50,338,888.00	Papar	16/03/2011
15	PPR Jalan Upper, Kudat	500	33,570,000.00	Kudat	02/12/2013
16	PPR Keningau	300	22,500,000.00	Keningau	23/07/2014
17	PPR Jalan Labuk, Sandakan	1,000	121,700,000.00	Sandakan	20/12/2012
18	PPR Jalan Lintar Sibugar, Sandakan	500	62,500,000.00	Sandakan	02/07/2013
19	PPR Kunak	400	28,038,888.00	Tawau	25/06/2015
20	PPR Pekan Muhibbah	500	75,000,000.00	Sandakan	27/07/2015
21	PPR Batu Sapi, Sandakan	180	31,250,000.00	Sandakan	30/12/2015
22	PPR Bukit Padang, Kota Kinabalu	760	70,000,000.00	Kota Kinabalu	30/12/2015
23	PPR Taman Harmoni Sandakan	1000	165,000,000.00	Sandakan	2015
	<b>JUMLAH</b>	<b>17,396</b>	<b>1,379,314,836.99</b>		

Faktor-faktor yang menentukan pelaksanaan projek di 23 lokasi dan jumlah unit PPR yang telah dibina adalah berdasarkan kepada maklumat data setingan dan data permohonan rumah kos rendah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016